




Laporan Aktiviti Buletin Kaunseling



Karnival kerjaya SBP Zon Selatan di SDAR 2008



Brochure dan risalah tentang kerjaya di pameran di ruang legar Dewan Utama



Wakil Eksplorasi Alam Kerjaya SMSJ bersama Jurutera Telekom Puan Hufisah. Sempena pertandingan Eksplorasi Alam Kerjaya



Bergerak ke lokasi kerosakan kabel telekom. Seronok dapat naik Kembara Telekom. Rasa macam Jurutera Muda.



Satu ribu satu macam maklumat semuanya ada di sini

16 - 17 Julai 2008 – Satu program Karnival Kerjaya SBP Zon Selatan telah dianjurkan oleh Majlis Guru Kaunseling SBP Zon Selatan bertempat di SDAR Negeri Sembilan. Beberapa siri ceramah dan juga pameran diadakan sempena minggu tersebut. Pameran diadakan di ruang legar bangunan Dewan Utama. Sementara itu sebanyak 3 slot ceramah telah dijalankan. Seramai 5 orang penceramah dari organisasi Jabatan Perkhidmatan Awam bagi slot Biasiswa JPA. Seramai 3 Alumni SMAP Labu, SDAR dan TKC slot Forum Kerjaya dan seramai 5 orang profesional dalam kerjaya masing-masing bagi slot bengkel kerjaya. Sebanyak 2 pertandingan telah dijalankan iaitu Kuiz Kerjaya dan Eksplorasi Alam Kerjaya. Sekolah Sains Johor telah mengambil bahagian dalam semua pertandingan. Tetapi kekurangan pengalaman menyebabkan prestasi sekolah kita kurang menyerlah. Tahun depan usaha lagi.